

Mendepani isu dan amalan penyeliaan di sekolah

48 19/10/2011 B4

MINDA PENDIDIK

SHUKRI ZAIN

Bersama:
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Abdul Said Ambotang, Roslee
Talip dan Muhamad Suhaimi Taat



TRADISI ikhtisas dalam latihan pendidikan guru di Malaysia sejak sekian lama menyaksikan guru-guru terlatih di sekolah telah dilengkapi dengan pengetahuan pedagogi, psikologi, sosiologi, teknologi dan pengurusan instruksional. Laungan massa sering mengatakan strategi guru mengajar perlu diubah dari berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Pendekatan ini jarang digunakan oleh guru walaupun mereka berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang ini. Antara cara terbaik untuk merealisasikan destini kualiti pengajaran berkesan dapat disampaikan kepada pelajar ialah melalui implimentasi penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang kerap dilakukan oleh pentadbir sekolah terhadap staf bawahannya. Penyeliaan pengajaran ialah proses untuk meningkatkan pengajaran seseorang guru secara perundingan dengannya tentang persediaan pengajaran, pemerhatian pengajaran, analisis data pemerhatian dan seterusnya memberi maklum balas kepada guru tentang pemerhatian yang dilakukan. Jadi apabila seseorang pentadbir dapat merancang penyeliaan P&P gurunya dan melaksanakan proses penyeliaan ke atas mereka, maka penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajar bertendensi berkembang ke arah mekanisme berkualiti.

Guru besar, pengetua dan penolong kanan selaku pentadbir sekolah seharusnya berkebolehan menganalisis keupayaan guru dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kebolehan menyediakan pengetahuan baru yang dapat memenuhi keperluan mereka sebagai guru pendidik. Menjadi tanggungjawab guru pendidik untuk merekayasa langkah-langkah strategik dalam melaksanakan P&P yang mampu membangunkan ilmu baru yang memperkembangkan minda, jiwa dan dogma pelajar di sekolah. Guru pendidik juga sebaiknya prolifik ke arah membimbing, memandu dan memacu pelajar yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran sehingga mereka mampu menguasainya ke tahap optima. Dalam konteks ini salah satu peranan dan tanggungjawab guru mata pelajaran ialah mengadakan kelas tambahan dan pemulihan untuk pelajar yang lemah dalam mata pelajarannya. Dengan itu keupayaan pelajar dalam menguasai ilmu pengetahuan perlu dianalisis dan dikenalpasti punca masalah yang mereka hadapi. Keupayaan menguasai atau tidak menguasai pengetahuan kandungan dalam sesuatu matapelajaran lazimnya dikaitkan dengan keputusan prestasi pencapaian pelajar melalui penilaian. Berdasarkan analisis ini pentadbir di sekolah rendah misalnya akan memastikan program KIA2M, Pemulihan Khas, Intervensi 3M, Protim dan yang berkaitan dengannya dilaksanakan bagi memastikan semua pelajar akan menguasai sekurang-kurangnya kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Sesungguhnya, pentadbir sekolah merupakan agen transformasi yang mempengaruhi guru pendidik melakukan transformasi mengikut keperluan perkembangan sistem pendidikan. Pentadbir boleh

mengambil inisiatif mendidik kemahiran penyeliaan untuk diri sendiri dan juga kepada semua guru di sekolah. Melalui Jawatankuasa Kurikulum Sekolah, perancangan program memberi kemahiran penyeliaan untuk membangunkan staf jangka pendek dan jangka panjang boleh dilaksanakan. Program-program kemahiran penyeliaan untuk pembangunan staf amat baik untuk kemajuan sekolah. Maka guru pendidik wajar menyahut perancangan pentadbir ke arah pelaksanaan transformasi citra pendidikan dan membenihkan semangat kolaboratif antara guru. Kemahiran yang mereka miliki menjadikan guru besar, pengetua, penolong kanan dan guru-guru kanan dalam sistem pentadbiran sekolah dapat melaksanakan kaedah dan konsep penyeliaan untuk dihayati, seterusnya menerima penyeliaan ini sebagai satu amalan profesional. Malah penyeliaan harus dianggap sebagai alat untuk mewujudkan budaya 'pembelajaran bersama-sama dalam kalangan staf'. Keperluan ini harus diberikan perhatian yang wajar, dan sikap para guru pendidik terhadap penyeliaan harus diubah agar mereka berkongsi pertanggungjawaban terhadap kejayaan dan kegagalan usaha mendidik kemahiran dalam penyeliaan.

Walau bagaimanapun, isu-isu berkaitan penyeliaan tidak dapat dihindari. Sebahagian besar isu berlegar dalam kerangka amalan sedia ada yang ada hubungan dengan gaya kepemimpinan sekolah itu sendiri. Berlaku percanggahan atau ketidakseragaman dari segi kefahaman atau panduan pelaksanaan di sana sini yang mampu menjejaskan matlamat kudus penyeliaan. Ketika instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) diperkenalkan kepada pentadbir sekolah seakan terjadi kekalutan fokus apabila pentadbir mendapati item-item dalam instrumen begitu rigid dan meletihkan tugas penarafan guru dibuat. Implikasi tersirat ialah penyeliaan dianggap hilang fungsinya jika ia dilakukan semata-mata untuk tujuan penyimpanan rekod. Sedangkan tuntutan sebenar penyeliaan ialah meintergrasikan destini holistik ke atas pentadbir dan guru pendidik.

Misalnya, pencerapan klinikal dan aplikasi mentoring melalui fasa perbincangan pra pemerhatian mampu menjana rapport antara kedua-dua pihak pentadbir dan guru pendidik bagi memahami ekspektasi masing-masing. Pentadbir selaku penyelia harus bersikap mesra yang membawa konotasi bahawa peranan mereka adalah untuk memberi bantuan dan bimbingan, bukan untuk menilai semata-mata. Manakala di fasa perbincangan pasca pemerhatian adalah untuk membantu guru membuat refleksi tentang kekuatan dan kelemahan sendiri; memikirkan cara-cara untuk membaiki kaedah dan teknik pengajarannya. Hubungan selesa antara penyelia dan guru pendidik harus diwujudkan supaya mendorong guru pendidik untuk menyatakan perasaan dan pandangan mereka. Komunikasi dua hala membantu guru pendidik mengembangkan idea-idea mereka, memikirkan

cara-cara atau alternatif-alternatif baru. Seterusnya dapat membantu guru pendidik mengembangkan daya kreativiti dan inovatif mereka bagi melakukan transformasi amalan P&P sedia ada ke tahap bitara. Ini bermakna idea-idea secara kolaboratif membolehkan guru pendidik rasa dihormati dan dianggap sebagai profesional dalam kalangan guru dan masyarakat yang berinteraksi dengan pihak sekolah. Guru pendidik yang mempunyai kemahiran penyeliaan klinikal dan mentoring berasa berkebolehan dan berkeyakinan dalam usaha mendorong guru-guru lain untuk berusaha mempertingkatkan kualiti pengajaran mereka.

Guru baru (novis) dan guru berpengalaman (expert) akan terpanggil untuk bersaing dan saling melengkapi ilmu yang dimiliki masing-masing. Guru pendidik berpengalaman dan berkepakaran boleh menjadi mentor yang baik kepada guru baru. Mereka perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan diri untuk menjadi penyelia yang berkesan dan baik serta dapat membimbing guru bawah seliaan mereka secara berterusan. Ini bermaksud penyeliaan rakan sejawat harus bersedia berkongsi pengalaman dengan guru bawah seliaan masing-masing supaya pengetahuan dirinya turut meningkat. Manakala guru baru yang diselia perlu memahami persepsi dan perspektif terhadap sesuatu penyeliaan. Penyelia tidak boleh dianggap sebagai penyibuk yang suka campur tangan dalam P&P mereka di bilik darjah. Sebaliknya penyelia hendaklah dilihat sebagai pemudah cara yang boleh membantu meningkatkan kualiti P&P di bilik darjah. Di samping itu mereka dapat mempererat lagi hubungan antara rakan sejawat, ini juga akan meningkatkan lagi profesionalisme dan bakat guru sebagai pendidik bitara.

Amalan penyeliaan memang berlaku di sekolah namun terdapat beberapa kekurangan dalam perlaksanaannya. Kemahiran asas penyeliaan melalui pendekatan klinikal dan mentoring perlu diberikan kepada semua warga sekolah. Tindakan ini secara langsung mampu menjernihkan falsafah penyeliaan itu sendiri yang lazim dipersepsi kepada penilaian semata-mata. Hakikatnya, penyeliaan melibatkan tiga komponen yang saling bersinergi; iaitu pencerapan, pemantauan dan penilaian melalui instrumen klinikal, mentoring dan coaching. Mengabaikan mana-mana satu komponen dimaksudkan akan mencacatkan sifat holistik kerangka konseptual penyeliaan itu sendiri dan dikategorikan luput nilai.

Hasil kajian yang dilakukan Natural Education Association menunjukkan hanya 11 peratus buah sekolah yang menjurus kepada peningkatan profesional staf termasuk hal-hal tentang penyeliaan pengajaran. Ini menunjukkan bahawa aspek penyeliaan pengajaran masih kurang diberi perhatian oleh kepemimpinan sekolah walaupun mereka sedar akan kepentingan penyeliaan tersebut. Kepemimpinan sekolah kelihatan cenderung untuk menggunakan lebih banyak waktu dalam bidang pentadbiran terutama dalam hal-hal berkaitan

surat-menyurat dan perkhidmatan, kutipan data untuk pelbagai pihak berbanding tugas berunsur pengajaran. Hal ini berlaku kerana bidang pentadbiran kebanyakannya memerlukan tindakan segera yang perlu diuruskan pada setiap hari bekerja. Sedikit sebanyak keadaan ini menumbuhkan sindrom belukuk, iaitu penyeliaan yang dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan pihak atasan. Pentadbir lebih cenderung mengumpul data-data atau markah-markah penyeliaan dan maklumat tersebut bagi dihantar ke pihak atasan dengan tujuan pentadbiran sahaja.

Walau bagaimanapun kini telah ada usaha untuk menjadikan penyeliaan sebagai satu amalan di sekolah. Program-program latihan melengkapkan guru besar dan penolong kanan dengan pengetahuan seperti mengendalikan kursus kepimpinan instruksional dan sebagainya merupakan satu daya usaha untuk memberi pengetahuan kepada penyelia P&P di sekolah. Penurunan kuasa kepada penolong kanan dan rakan sejawat sekolah untuk menyelia guru adalah cara terbaik kerana mengisi ruang guru besar, PPD, JPN dan Jemaah Nazir yang mempunyai skop yang luas untuk tujuan penyeliaan; merupakan jalan yang baik untuk memastikan penyeliaan dapat dilaksanakan di sekolah. Penyeliaan juga dijalankan oleh guru pakar atau ketua unit ke atas guru baru dengan mengisi borang-borang 'feedback' yang perlu dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri. Guru-guru pula diberi mentor, contohnya satu program membantu guru yang mengendalikan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mereka. Hasil dari laporan penyeliaan juga diteliti dan di laporkan kepada pihak Jemaah Nazir.

Cuma isu berbangkit ialah penyeliaan P&P kerap menjadi satu rutin yang tidak popular dalam kalangan guru kerana proses dan konsep penyeliaan terpalit oleh tanggapan negatif, iaitu dilihat sebagai satu helah pentadbir untuk mencari salah guru sebagai subordinat terhukum. Ada waktu, kuasa pakar dan kemahiran guru besar, pengetua dan penolong kanan sebagai pemimpin instruksional serta penyelia P&P dipersoalkan aspek kredibiliti mereka. Terutamanya apabila mereka sendiri dilihat dan kelihatan tidak mengajar seperti mana disyaratkan dalam pekeling ikhtisas. Seharusnya ini tidak berlaku bagi mempertahankan standard keterampilan instruksional kepemimpinan sekolah. Sehubungan itu, penyeliaan hendaklah dijadikan amalan kualiti dan budaya ilmu di sekolah melalui penglibatan semua pihak secara konseptual dan instruksional. Sesudah menjadi amalan dan budaya yang bersebuti di sekolah, guru-guru tidak akan berasa bimbang dan mereka sentiasa bersedia untuk diselia pada bila-bila masa.

*** Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan boleh dihubungi melalui: drshukriza@yahoo.com**